

**ENAKMEN 6 TAHUN 1991
ENAKMEN KESALAHAN SYARIAH (NEGERI MELAKA) 1991**

BAHAGIAN IV - KESALAHAN-KESALAHAN LAIN

Seksyen 92. Takzir.

Tanpa menyentuh peruntukan-peruntukan mana-mana Undang-undang bertulis lain, Mahkamah bolehlah mengenakan hukuman takzir ke atas mana-mana orang yang melakukan kesalahan di bawah Hukum Syarak yang tidak diperuntukkan oleh Enakmen ini dan apabila disabitkan orang itu hendaklah dikenakan hukuman denda tidak melebihi hukuman lima ratus ringgit atau dipenjara selama tempoh tidak melebihi enam bulan atau kedua-duanya sekali.
